

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 3 TAHUN 2022**

**KEBENARAN UNTUK MENANDATANGANI PERMOHONAN KEBENARAN
MERANCANG (KM) DI ATAS TANAH KERAJAAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke-21 tahun 2022 kertas bilangan 21/2022/D (127) yang telah bersidang pada 09 Oktober 2022 telah menimbang dan meluluskan kebenaran bagi Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan atau Pentadbir Tanah menandatangani Pelan Permohonan Kebenaran Merancang tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- i. Permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan pembangunan di atas tanah kerajaan untuk tujuan Projek Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan yang telah didaftarkan fail permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di pejabat-pejabat tanah atau Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan;
- ii. Permohonan Kebenaran Merancang untuk cadangan pembangunan atas tanah kerajaan hasil daripada urusan pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 yang telah didaftarkan fail permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di pejabat-pejabat tanah atau Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan;
- iii. Permohonan Kebenaran Merancang cadangan pembangunan bagi maksud Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan di atas tanah yang telah dirizabkan atau dalam proses perizaban bagi maksud awam di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965; atau
- iv. Permohonan Kebenaran Merancang cadangan pembangunan di atas tanah kerajaan hasil urusan serahbalik keseluruhan atau sebahagian tanah untuk projek Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan yang telah didaftarkan fail permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di pejabat-pejabat tanah atau Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan.

2. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil maklum dan tindakan sewajarnya selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri dan pemakaian pekeliling ini.

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K. (KELANTAN), K.M.N*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN